

**UCAPAN ALUAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH SEMPENA
MAJLIS TEMUMESRA Y.A.B MENTERI BESAR TERENGGANU BERSAMA
PELAJAR DAN PENSYARAH TERENGGANU DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Terima kasih saudara pengerusi majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Ahmad Said

Menteri Besar Terengganu

Y. Brs. Prof Madya Dr. Kassim Hj Md Mansur

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Sabah

Y. Brs. Mejar (K) Abdullah Haji Mohd Said

Pendaftar

Universiti Malaysia Sabah

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan UMS

Kakitangan Universiti Malaysia Sabah

Barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UMS

Tuan-tuan, puan-puan, Siswa-siswi, para hadirin yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya kita dapat bersua muka berkumpul bersama dalam majlis yang sangat bermakna, Majlis Temu Mesra Menteri Besar Terengganu, Yang Amat Berhormat Dato' Ahmad Said, bersama pelajar dan pensyarah Terengganu yang menuntut atau bertugas di Universiti Malaysia Sabah. Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah ingin mengucapkan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato'. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya ucapkan atas kesudian Yang Amat Berhormat meluangkan masa untuk berkunjung ke universiti ini. Kami sememangnya amat berbesar hati untuk menerima kehadiran Yang Amat Berhormat Dato'.

Y.A.B Dato' dan sidang hadirin sekalian,

Universiti Malaysia Sabah sentiasa berusaha untuk memastikan pelbagai pencapaian cemerlang terus dikecapi oleh warga UMS secara keseluruhannya. Pelbagai usaha dijalankan terutama dalam memastikan kecemerlangan sentiasa mengiringi para pelajar yang berada di universiti ini. Kita menyediakan prasarana yang cukup canggih dan lengkap untuk keselesaan mereka terutama dalam menjalani sesi kelas dan kuliah. Selain sumber rujukan yang serba lengkap di bangunan Perpustakaan, UMS turut menyediakan makmal komputer yang mempunyai lebih dari 300 buah komputer untuk kegunaan para pelajar sekalian. Malah seluruh UMS juga diliputi dengan kemudahan jalur lebar tanpa wayar yang boleh diakses pada bila-bila masa sahaja walau dimana jua berada. Dewan-dewan kuliah yang disediakan juga sangat selesa untuk memudahkan proses menimba ilmu di kalangan para pelajar disamping pemyampaian yang lebih berkesan daripada para pensyarah.

Matlamatnya cuma satu iaitu untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, berketrampilan tinggi serta mempunyai kecemerlangan yang tidak boleh disangkal dalam bidang ilmiah. Sudah semestinya harapan ini memerlukan jalinan kerjasama di

antara pihak Universiti dengan industri, kerajaan, badan-badan professional dan masyarakat. Ini sememangnya sudah terjalin erat sejak sekian lama dan akan terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Selain usaha-usaha ini, para pelajar juga akan dilengkapi dengan pelbagai kepakaran untuk meningkatkan kemahiran insaniah (softskill) bagi memastikan mereka sentiasa memenuhi kehendak pasaran semasa. Kita mempunyai banyak aktiviti non-akademik yang boleh disertai oleh para pelajar. Antaranya termasuklah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Pasukan Sukarelawan Siswa/i Polis (SUKSIS) dan banyak lagi. Sementara itu, pihak universiti, khususnya Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama barisan kepimpinan pelajar pula akan cuba menyediakan kelengkapan terbaik untuk memastikan para mahasiswa dapat belajar dalam suasana yang kondusif bersesuaian dengan konsep 1 UMS, 1 Malaysia, Kampus Ceria, Pelajar Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Y.A.B Dato' dan sidang hadirin sekalian,

Saya tidak berniat untuk memanjangkan ucapan saya ini kerana sebentar lagi kita akan mendengar amanat berharga daripada Yang Amat Berhormat Datuk pula. Sehubungan itu, Saya bagi pihak UMS sekali lagi ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Ahmad Said ke Universiti Malaysia Sabah. Terima kasih Yang Amat Berhormat, atas ruang dan masa yang diberikan untuk hadir bersama-sama dengan kami malam ini. Saya percaya kedatangan Yang Amat Berhormat dapat meningkatkan lagi motivasi kepada mahasiswa/i UMS khususnya anak-anak kelahiran negeri Terengganu Darulmakmur. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Terengganu yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan majlis ini.

Semoga Majlis Temu Mesra ini akan menjadi platform terbaik untuk memaksimumkan kesejajaran halatuju Institusi Pengajian Tinggi dalam memenuhi keperluan pasaran global dan aspirasi negara.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.